

Tingkah laku dan Peranan Institusi Keluarga Dalam Membantu Ekonomi Dan Masyarakat Lestari

Behaviour and the Role of Family Institutions in Assisting the Economy And Sustainable Society

Muhammad Talbah Ajmain @ Jima'ain, Mohamad Anas Mohamad Yaakub, Siti Nur Hadis A Rahman, Ahmad Marzuki Mohamad

Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

**Corresponding author: mubammad.talbah@graduate.utm.my*

Article history

Received: 2019-07-28 Received in revised form: 2019-10-28 Accepted: 2019-11-16 Published online: 2020-01-31

Abstract

Sustainability illustrates something with the tendency to maintain one's existing quality. To guarantee the sustainability of the world, nature, stays in a good condition, the attitude of the people of earth is very related. To achieve the sustainability of the earth and nation, positive and active engagement from the smallest community unit, which is family, is very important. Ideally, families are the first teachers for children. The family or parents are their role models. They give the greatest impact for the growth of personality, attitude, value, characteristic and skills for the young generation. The family unit are the main source in understanding and giving understandings one's meaning and philosophy. Then, this concept paper will highlight the concept of sustainability in general and the sustainability concept from the Islamic perspective as well as the relationship between the family unit behaviour in guaranteeing a life where a family with harmony and sustainability could give an impact to the universal well-being.

Keywords: sustainability concept, sustainability from the Islamic perspective, sustainable family, universal well-being.

Abstrak

Kelestarian menggambarkan sesuatu yang bersifat ingin mengekalkan sesuatu kualiti yang telah ada. Bagi menjamin kelestarian dunia, alam, terus berada dalam keadaan lestari yang baik, tingkah laku penduduk bumi sangat berkait rapat. Bagi mencapai kelestarian bumi dan negara, penglibatan positif yang aktif dari unit komuniti yang paling kecil sangat penting iaitu keluarga. Dalam keadaan yang ideal, keluarga adalah pendidik pertama bagi kanak-kanak. Mereka adalah model untuk anak-anak contohi dan mempunyai pengaruh besar dalam membentuk pembangunan sahsiah, sikap, nilai, tingkah laku, tabiat dan kemahiran bagi generasi muda. Unit keluarga adalah sumber utama dalam memahami dan memberikan kefahaman sesuatu makna dan falsafah. Maka, kertas konsep ini akan mengetengahkan konsep lestari secara umum, dan konsep lestari dari sudut kaca mata Islam serta perkaitan peranan dan tingkahlaku unit keluarga bagi menjamin kehidupan keluarga yang terus harmoni dan lestari sehingga impaknya kepada kesejahteraan sejagat.

Keywords: Konsep Lestari, Lestari sudut Islam, Keluarga Lestari, Keharmonian sejagat.

1.0 PENDAHULUAN

Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menerbitkan satu laporan iaitu “*The Sustainable Development Goals Report 2019*” sebagai satu usaha mencapai agenda Lestari 2030. Agenda Lestari 2030 bertujuan mewujudkan dunia yang lebih sihat, produktif dan kekayaan hasil bumi yang dikongsi bersama. Persidangan demi persidangan berkenaan konsep lestari mula rancak dibincangkan sejak tahun 1987, hal ini bertujuan memberikan kesedaran ke atas isu kestabilan alam sekitar dan ekonomi sejagat.

Menurut Zahari (2009) & Norainah (2009), pembangunan lestari adalah merujuk kepada kemampuan dalam memberikan sokongan terhadap sistem kehidupan yang harmoni sepenuhnya bagi manusia dan kehidupan lain di alam ini. Pada pendapat yang lain pula, “development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs” (Raid, 2013; Rachel Emas, 2015). Ekonomi lestari pula bermaksud, menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan, ruang pekerjaan yang luas dan produktif serta kerja yang baik untuk semua (SDGs, 2019). Masyarakat lestari pula iaitu mengajak masyarakat kepada kesejahteraan dan inklusif untuk pembangunan yang mampan, memberikan keadilan kepada semua dan membina sebuah institusi yang afaktif, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat (SDGs, 2019).

Mustafa al-Ghalayini (1986) pula menyatakan bahawa proses pembentukan sesebuah masyarakat seperti membina sebuah bangunan. Dalam membina bangunan, asasnya hendaklah disiapkan terlebih dahulu dan dipastikan kukuh agar masyarakat akan menjadi kukuh. Asas tersebut adalah akhlak Islam yang merangkumi tingkah laku yang mulia sebagaimana yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW ketika memulakan pembentukan individu, keluarga, dan masyarakat Islam. Justeru, berdasarkan konsep yang dikemukakan, wujud suatu impian bagi mewujudkan sebuah komuniti lestari yang seimbang dengan kualiti kehidupan yang merangkumi sistem politik, ekonomi, sosial, dan persekitaran bagi menjamin keselamatan, kesejahteraan hidup dan persekitaran yang cergas dan produktif. Maka, kertas kerja ini akan mengetengahkan konsep lestari secara umum, seterusnya lestari dari sisi Islam serta peranan institusi keluarga dalam memberikan impak positif terhadap kelestarian ekonomi dan masyarakat sejagat.

2.0 KONSEP LESTARI

Definisi secara konseptual, kelestarian adalah meliputi keseluruhan aspek seperti kelestarian sosial, persekitaran, ekonomi dan politik (Lukman & Glavic, 2007). Manakala, definisi yang digunakan untuk merujuk pembangunan lestari pula menerusi Laporan Brundtland ialah “pembangunan yang memenuhi kehendak generasi kini tanpa mengganggu-gugat keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi kehendak mereka” (WCED, 1987). Memahami dua makna dia atas adalah, kelestarian itu suatu yang baik yang perlu dikekalkan didalam sesuatu komuniti sebelum, ketika dan komuniti berikutnya sehingga ia memberikan keselamatan kepada sejagat terhadap semua aspek.

Istilah yang digunakan daripada barat juga mencakupi makna yang sangat luas. Menurut *Department for Communities and Local Government, UK* (2007), masyarakat lestari mempunyai prinsip yang sama dengan pembangunan lestari iaitu: a) Memenuhi keperluan generasi kini dan akan datang, b) Seimbang dan intergrasi antara komponen sosial, ekonomi dan alam sekitar sesebuah komuniti; dan c) Menghormati keperluan komuniti lain dalam dunia untuk menjadikan komuniti mereka komuniti lestari. Agenda kelestarian menitikberatkan kepentingan terhadap tiga teras utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar yang disifatkan sebagai satu proses multidimensi (Newman, 2005; Martens, 2006). Ketiga-tiga komponen ini saling berkait antara satu sama lain demi memastikan kelestarian negara dalam jangka masa panjang, tidak terhad hanya dari aspek kestabilan ekonomi sahaja atau

keseimbangan alam sekitar sahaja. Ianya melangkaui aspek kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat, penggunaan sumber secara bijaksana dan memastikan pemuliharaan terhadap alam sekitar dan juga sistem ekologi berada dalam kondisi yang baik (Munasinghe, 2008). Stavins, Wagner & Wagner (2003) dan Elliott (2006) berpendapat kelestarian ialah berkait dengan keadilan dan ekuiti. Kelestarian juga adalah mengenai melestarikan alam, dan perkhidmatan yang berfungsi dan kebaikan untuk manusia, sehingga generasi akan datang. Hal ini mempunyai implikasi untuk menunjukkan cara sistem sosioekonomi dan hubungan mereka dengan alam harus dimanfaatkan dan diuruskan dengan baik (Baumgartner *et al.*, 2008).

Berikutnya, Menurut Hasna (2007) berkenaan konsep lestari, beliau menyatakan bahawa lestari tidak memisahkan aspek hidup manusia dan kehidupan manusia antara satu sama lain. Hal ini bermakna menyelesaikan konflik antara pelbagai matlamat, dan melibatkan secara serentak matlamat kemakmuran ekonomi, kualiti alam sekitar dan keadilan sosial yang juga dikenali sebagai tiga dimensi (tiga teras utama dalam pembangunan lestari '*triple bottom line*') dengan vektor terhasil adalah sebagai teknologi, maka kelestarian ialah proses yang terus berterusan; digambarkan sebagai sebuah 'perjalanan' (proses untuk mencapai kelestarian) yang sangat penting, tetapi hanya sebagai sasaran untuk sampai ke satu matlamat destinasi yang dituju iaitu kebahagiaan di dunia dan akhirat. Justeru, penekanan kepada konsep lestari menjadi tumpuan utama dan perlu bermula di peringkat awal pendidikan iaitu di rumah dan di sekolah (Moroye, 2005; Scoullous, 2010)

Maka, istilah lestari di atas ini, telah menggambarkan suatu yang lebih luas maksudnya, tidak terhad hanya kepada pembangunan ekonomi atau penjagaan alam sekitar sahaja. Bahkan, bila diperhatikan, pandangan diatas secara tersiratnya menjelaskan bahawa, yang menentukan kelestarian adalah sikap manusia. Tingkahlaku manusia yang lestari boleh memelihara dan menyelamatkan alam atau tingkahlaku yang sebaliknya boleh mengadakan kebejatan kepada alam dunia.

3.0 LESTARI SUDUT ISLAM

Istilah lestari dalam bahasa Arab disebut sebagai *Al-Istidamah* iaitu meminta kesinambungan atau penerusan. Walaupun konsep Lestari ataupun *Al-Istidamah* mula diperkenalkan pada tahun 1987, namun ianya sudah dinukilkan dalam nas-nas Al-Quran dan Hadis sama ada secara tersurat ataupun tersirat. Menurut Rejab (2010), terdapat tiga isu yang dibawa oleh dalil-dalil syara' dalam menyatakan konsep Lestari seperti berikut:

- i. Perlantikan sebagai Khalifah dan pengimarahkan alam.

Selain beribadah kepada Allah SWT dan memakmurkan bumi, tujuan utama manusia diciptakan dari perspektif Islam adalah untuk menjadi khalifah Allah. Menurut Ar-Razi (1999) di dalam kitab Tafsirnya, istilah khalifah digunakan kerana manusia menjadi wakil Allah dalam mentadbir urusan sesama manusia. Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ

Dia (Allah) yang menjadikan kamu Khalifah di atas muka bumi

Hal ini kerana, Allah SWT memberikan kepada manusia keistimewaan akal fikiran berbanding makhluk lain yang tiada akal fikiran (Nazmi *et. al.*, 2013). Ibnu Kathir di dalam tafsirnya menjelaskan bahawa tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT diwariskan oleh generasi terdahulu kepada generasi yang akan datang sehingga ke hari kiamat. Syed Qutb (1992) pula menjelaskan bahawa tampuk pemerintahan yang terkini perlu mengambil pengajaran daripada generasi terdahulu supaya tidak mengulangi kesilapan yang sama. Tambah beliau, perlu ditanamkan kesedaran bahawa

tanggungjawab itu akan diwariskan kepada generasi seterusnya. Tiga perkara yang disebutkan dan dijelaskan di dalam al-Quran seperti yang disebutkan oleh al-Imam al-Raghib al-Isfahani (2006) iaitu tujuan utama kehidupan manusia adalah beribadah kepada Allah, sebagai khalifah Allah dan memakmurkan bumi. Hal ini dijelaskan melalui firman Allah SWT :

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Dia yang menciptakan kami dari bumi dan meminta kamu memakmurkan padanya (bumi)

Menurut Ibnu Kathir (1999), diciptakan dari bumi bermaksud tanah yang merupakan bahan asas penciptaan moyang manusia iaitu Adam AS dan mewarisi amanah sebagai khalifah di bumi. Wahbah Zuhaili (1993) pula menerangkan bahawa alam ini perlu dibangunkan pada aspek seperti pertanian, penghasilan, pembinaan dan perindustrian. Hal ini selari dengan keadaan alam yang dapat menerima pemakmuran daripada manusia, manakala manusia mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya.

Sha'rawi (1997) telah membahagikan pemakmuran itu kepada dua bentuk iaitu; mengekalkan kemaslahatan manusia sebagaimana yang ada atau menambah lebih banyak kemaslahatan. Pemerintah yang berdedikasi mempunyai misi dan visi jelas dalam memastikan kemaslahatan rakyat demi menjamin kelestarian hidup. Sikap memiliki pandangan yang jauh ke hadapan dapat dilihat dalam kisah Nabi Ibrahim AS melalui firman Allah SWT :

قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي

Dia (Allah) berkata: Aku akan jadikan engkau (wahai Ibrahim AS) pemimpin bagi manusia. Dia (Ibrahim AS) menjawab: dan dari kalangan zuriatku (keturunan)?

Ayat ini menunjukkan sikap prihatin Nabi Ibrahim AS terhadap masa depan zuriatnya ketika Baginda AS dikurniakan nikmat yang besar iaitu pengiktirafan dalam kepimpinan. Sya'rawi (1997) menjelaskan definisi zuriat merujuk kepada keturunan yang datang melalui anak, cucu dan seterusnya. Menurut Wahbah Zuhaili (1993), Nabi Ibrahim AS mengharap kebaikan kepada keturunannya dari segi tingkahlaku, agama dan akhlak mereka sebagaimana naluri seseorang yang menginginkannya lebih baik daripada dirinya.

Terdapat dua aspek pemakmuran alam yang diberikan penekanan Al-Quran, pertama; berusaha mencari kurniaan Allah dan kedua; larangan melakukan kerosakan di muka bumi. Aspek mencari kurniaan Allah membuktikan Islam tidak hanya mementingkan ritual ibadah semata-mata. Islam turut menyuruh umatnya untuk berusaha mempertingkatkan taraf mutu kehidupan. Firman Allah SWT :

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا
اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maka apabila kamu telah selesai solat, bertebaranlah di atas bumi dan carilah kurniaan Allah, dan ingatlah Allah sebanyak-banyaknya mudah-mudahan kamu beroleh kejayaan

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ
النُّشُورُ

*Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu; mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata
penjurunya serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah. Dan ingatlah kepada Allah jualah
tempat kembali*

Menurut Rejab (2010), ayat ini membawa mesej lestari secara tidak langsung kerana apabila manusia bekerja dan berusaha menggali hasil bumi, ia menunjukkan usahanya itu tidak hanya untuk dirinya sendiri mahupun generasinya sahaja, akan tetapi untuk generasi masa hadapan.

Aspek kedua dalam memakmurkan alam iaitu larangan berbuat kerosakan. Firman Allah SWT:

وَلَا تَعْتَوُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di muka bumi

Ibnu Manzur (1992) memberikan definisi bagi perkataan *Ghatha* sebagai merosakkan dan mengambil sesuatu tanpa lemah lembut. Selain itu, Al-Azhari pula berpendapat *Ghatha* adalah bersegera melakukan kerosakan. Manakala At-Tabari (2000) dan Ar-Razi (1999) pula menyatakan *Ghatha* sebagai melampau dalam melakukan kerosakan.

Ayat ini dinukilkan sebanyak lima kali di dalam lima surah berlainan. Menurut As-Suyuti (1974), antara faedah pengulangan sesuatu ayat di dalam Al-Quran adalah membawa maksud penegasan. Penegasan ini berbentuk larangan secara *qat'ie* dan disudahi dengan kebencian Allah terhadap perbuatan tersebut. Firman Allah SWT :

وَإِذَا تَوَلَّى سَعَى فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ
الْفُسَادَ

*Dan apabila ia pergi (dengan mendapat bajatnya), berusaha ia di bumi untuk melakukan bencana
padanya dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternakan dan manusia) sedang
Allah tidak suka kepada bencana kerosakan*

Allah SWT melarang perbuatan melakukan kerosakan. Menurut Rejab (2010), ini menjelaskan bahawa Allah SWT mahukan sumber alam sentiasa berkekalan dan dimanfaatkan oleh setiap generasi. Hal Ini menjelaskan pembawaan konsep Lestari dalam bentuk larangan berbuat kerosakan.

ii. Penyimpanan dan larangan sikap berlebihan.

Penyimpanan sumber kehidupan disebut dalam Al-Quran dengan perkataan *Iddikbar*. Ibnu Manzur (1992) mendefinisikan *Iddikbar* sebagai kekal, atau dikatakan sebagai memilih, atau dikatakan sebagai mengambil. Di dalam kitab *Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah* (2006), *Iddikbar* bermaksud menyembunyikan sesuatu untuk digunakan pada waktu yang diperlukan. Dalam bahasa mudah, penyimpanan atau pencatutan merupakan satu bentuk persediaan untuk kegunaan masa depan. Firman Allah SWT :

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَابًّا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا
تَأْكُلُونَ ٤٧

Dia (Yusuf AS) berkata: Agar kamu bercucuk tanam selama tujuh tabun berturut-turut sebagaimana yang biasa; kemudian apa yang kamu tuai bendaklah kamu biarkan di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan.

(Surah Yusuf, 47)

Ayat ini merupakan pentakwilan Nabi Yusuf AS kepada mimpi yang dialami oleh pemerintah Mesir pada zamannya. Al-Qurtubi (2006) berpendapat ayat ini asalnya menyentuh tentang lima *Maslahah Syari'yyah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap perkara yang menjamin penjagaan kelima-lima perkara ini adalah kemaslahatan. Sebaliknya pengabaian terhadapnya adalah kerosakan. Tambah beliau, syariat Islam memberi panduan kepada manusia demi kemaslahatan di dunia yang akan mengukuhkan *makrifatullah* dan ibadah kepada Allah dalam menuju kebahagiaan di akhirat.

Firman Allah SWT :

وَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا تَأْكُلُونَ وَمَا تَدَّخِرُونَ فِي بُيُوتِكُمْ

Dan aku juga boleh beritahu kamu tentang apa yang kamu makan dan apa yang kamu simpan di rumah kamu

Ayat ini mengkhabarkan tentang mukjizat Nabi Isa AS dalam berhujah kepada Bani Israil. Apa yang ingin ditumpukan ialah penyimpanan merupakan perkara biasa dalam masyarakat dan diperakui oleh Nabi Isa AS. Salah satu bentuk penyimpanan disentuh oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِسَعْدِ أَبِي وَقَاصٍ :
إِنَّكَ إِنْ تَدَّرَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدَّرَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ

Rasulullah SAW berkata kepada Saad Abi Waqas : Sekiranya engkau tinggalkan keturunan kamu dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada kau tinggalkan mereka dalam kemiskinan yang meminta-minta dari manusia

Hadis ini adalah dalil yang penting dalam membahaskan persoalan wasiat. Menurut An-Nawawi (1972), jumhur ulama' berpendapat wasiat yang melebihi satu pertiga daripada harta adalah tidak sah. Beliau menjelaskan hadis ini mementingkan silaturrahim sesama keluarga serta mengambil berat masa depan keturunan orang yang berwasiat. Menurut Munawar & Kamarul (2016) perkara yang melibatkan wasiat merupakan perkara yang berhubung dengan akhlak dalam kekeluargaan, sebagaimana firman Allah SWT:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ
بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ١٨٠

Divajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu-bapa dan kaum kerabatnya secara ma'ruf, (ini adalah) kewajiban atas orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Baqarah, 2:180)

Pembahagian harta pusaka merupakan antara akhlak yang paling lengkap dan dinyatakan oleh Allah SWT dalam banyak ayat al-Quran seperti yang terdapat di dalam surah al-Nisa, 4:12, 32 dan 177 (Munawar dan Kamarul, 2016). Rasulullah SAW menekankan konsep lestari kepada para sahabatnya. Sikap berlebihan atau melampau dalam menjalani kehidupan seharian juga merupakan satu bentuk pengabaian konsep lestari. Dalam bahasa arab ia disebut sebagai *Al-Israf*. Al-Jurjani (1983) mendefinisikan *Al-Israf* ialah menggunakan atau membelanjakan sesuatu pada perkara yang dibolehkan melebihi daripada kadar yang sepatutnya. Oleh itu, Allah SWT melarang sikap berlebihan di dalam firmanNya :

وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Dan janganlah kamu melampau, sesungguhnya Allah tidak suka orang yang melampau

Ayat ini disebut dua kali dalam dua surah yang berbeza. Menurut Wahbah Zuhaili (1997), *Al-Israf* pada perkara kebaikan atau sebaliknya merupakan tindakan yang salah sama ada dalam urusan makan minum atau bersedekah. Menyimpan sebahagian dari pendapatan adalah perkara yang terpuji kerana ia diperlukan dalam menjamin masa depan yang stabil. Hal ini dikuatkan lagi dengan hadis Rasulullah SAW di dalam musnad Imam Ahmad (2001) berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِي أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِسَعْدٍ وَهُوَ يَتَوَضَّأُ فَقَالَ: " مَا هَذَا السَّرْفُ يَا سَعْدُ " قَالَ: أَفِي الْوَضُوءِ سَرْفٌ قَالَ: " نَعَمْ وَإِنْ كُنْتَ عَلَى نَهْرٍ جَارٍ "

Daripada Abdullah bin Amru bin Al-'As, sesungguhnya Nabi SAW terserempak dengan Sa'ad yang sedang berwuduk. Maka Nabi SAW berkata: "Apakah sikap melampau ini wahai Sa'ad?" Sa'ad bertanya: "Adakah pada wuduk itu ada sikap melampau?" Baginda SAW menjawab: "Ya, walaupun engkau berada di atas sungai yang mengalir".

iii. Pengagihan hasil rampasan perang.

Antara sumber pendapatan yang diperakui Islam adalah melalui hasil peperangan. Terdapat dua jenis hasil peperangan iaitu *Al-Fai'* dan *Al-Ghanimah*. *Al-Fai'* merujuk kepada hasil yang diperolehi daripada musuh tanpa tercetusnya peperangan atau pertumpahan darah. Manakala *Al-Ghanimah* diperolehi melalui peperangan.

Dalam kedua-dua hasil peperangan ini, Islam telah meletakkan garis panduan dalam mengagihkannya secara teliti. Apa yang ingin difokuskan dalam isu ini ialah firman Allah SWT berikut:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ

Dan orang-orang yang datang selepas mereka

Ayat ini termasuk di dalam perbincangan pembahagian harta rampasan perang. Ibnu Kathir (1999) menuliskan bahawa Saidina Umar Al-Khattab RA berpandangan bahawa ayat ini meliputi orang Islam keseluruhannya termasuk generasi-generasi akan datang sehingga ke hari kiamat. Konsep lestari yang difahami oleh Umar Al-Khattab RA dapat dikenalpasti apabila beliau hanya mengagihkan harta-harta *manqul* (boleh berpindah tempat) selain daripada tanah. Keputusan beliau dijelaskan di dalam suratnya kepada Saad Abi Waqas ketika hari pembukaan Iraq seperti berikut :

فَإِنَّا لَوْ قَسَمْنَاهَا بَيْنَ مَنْ حَضَرَ لَمْ يَكُنْ لِمَنْ بَعْدَهُمْ شَيْءٌ


Sekiranya kita membahagikannya (tanah) antara orang yang ada, maka tidak akan ada bahagian untuk siapa yang selepas mereka.

Kesimpulannya, konsep Lestari telah wujud dan diamalkan dalam Islam sejak zaman para Nabi AS lagi walaupun istilah lestari mula dipromosikan awal 1987. Pelaksanaan konsep Lestari dapat dikenalpasti pada dua garis waktu iaitu; sekarang dan masa hadapan. Penekanan aspek pemerintahan dan pemakmuran alam merujuk kepada garis waktu sekarang. Manakala perlestarian bagi masa hadapan pula ditumpukan pada aspek penyimpanan, larangan sifat berlebihan dan pembahagian hasil peperangan.

4.0 KELUARGA LESTARI

Keluarga merupakan komuniti masyarakat yang paling kecil namun memberikan kesan yang besar (Noralina Omar, 2016). Keluarga lestari akhirnya membina sebuah masyarakat lestari. Klient (1997), berpandangan bahawa komuniti lestari adalah sebuah masyarakat yang sentiasa positif berubah menjadi mesra terhadap alam sekitar, menjadikan ekonomi lebih berdaya saing, mempunyai keadilan dalam setiap kelakuan kerja seharian, dan demokratik. Hal ini bermakna, unit yang paling kecil iaitu gabungan daripada beberapa buah keluarga yang lestari, telah menjadikan sebuah komuniti masyarakat yang lestari. Masyarakat Lestari juga didefinisikan sebagai sekumpulan beberapa keluarga yang menggunakan sumber sebaiknya yang terdapat dalam persekitaran mereka untuk memenuhi keperluan semasa, namun berhemah dengan tidak melupakan keperluan untuk generasi akan datang untuk mengambil manfaat darinya. Merujuk kepada Peterson *et al.*, (1999) konsep kelestarian keluarga dan pembangunan merujuk empat objektif iaitu, pertama perlindungan alam sekitar yang berkesan. Kedua, penambahbaikan sosial yang mampu menyelesaikan masalah semasa dan mencukupkan keperluan semua. Seterusnya, penggunaan sumber asli secara berhemah, serta terakhir mengurus ekonomi serta tidak mengabaikan kesan jangka masa panjang dalam membuat keputusan.

Keluarga merupakan sebuah komuniti yang kecil yang ada di dalam masyarakat, namun aset yang penting. Sebagai rumusan dalam bentuk gambar rajah terhadap konsep masyarakat Lestari melalui kajian Peterson *et al.*, (1999) adalah seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Ciri Penting Masyarakat Lestari. Peterson, Sham Sani & Mohd.Nordin (1999)


Justeru, peranan keluarga yang lestari banyak memberikan impak kepada persekitaran, sama ada pembangunan ekonomi, sosial, alam sekitar. Menjadi persoalan, apakah tingkahlaku yang utama dalam sesebuah keluarga bagi menjamin kelestarian alam sejagat?

5.0 TINGKAHLAKU LESTARI

Tingkahlaku pengguna adalah satu faktor utama apabila membincangkan peranan masyarakat dan kesannya ke atas persekitaran. Keluarga ialah sebuah institusi sosial yang sangat penting dalam kehidupan individu kerana ia dianggap sebagai tempat perlindungan bagi setiap ahli untuk mendapatkan cinta, perhatian, keselamatan dan keperluan dalam meneruskan kehidupan. Menurut Nur Fatin *et. al* (2015) ibu bapa adalah tunggak penting dalam sistem keluarga dan mempunyai peranan yang besar dalam membentuk individu dan komuniti sejahtera. Kesejahteraan adalah perkara yang subjektif dan mempunyai pengertian mendalam antara seseorang manusia (Amran *et. al*, 2017). Ibu bapa yang baik menyumbang aset yang paling berharga kepada fungsi dan kebajikan keluarga, seperti persefahaman antara satu sama lain, toleransi, komunikasi positif, menyelesaikan masalah bersama dan sebagainya. Kelakuan kecekapan atau tingkah laku merupakan istilah yang digunakan oleh pakar psikologi untuk menerangkan bagaimana ibu bapa mendidik anak-anak melalui tingkah laku, disiplin dan kaedah untuk mempengaruhi anak-anak bersosial.

Menurut Zarinah *et. al* (2002) latar belakang keluarga dan tingkah laku keibubapaan menjadi faktor utama dalam mempengaruhi perkembangan emosi dan kognitif anak-anak. Kajian (Hamidah, 2013) mendapati adanya hubungan yang positif antara kecerdasan emosi dalam setiap dimensi kecerdasan emosi tetapi berbeza pula dari segi kekuatan hubungan mengikut gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa. Namun kajian Agnes (2014) mendapati ibu bapa mempunyai tanggapan yang positif terhadap pendidikan tetapi tidak memberi kesan terhadap kesedaran emosi anak-anak. Hal ini membuktikan bahawa ibu bapa perlu mempelbagaikan cara gaya asuhan untuk disesuaikan dengan tahap perkembangan anak-anak dalam mendidik anak-anak. Tingkah laku ibu bapa dengan anak-anak adalah penting untuk meramalkan tingkah laku anak-anak di masa hadapan, khususnya dari segi hubungan, komunikasi, nilai moral, pencapaian pendidikan dan pembentukan akhlak anak-anak. Hasyimah (2016) menjelaskan bahawa pentadbiran organisasi kekeluargaan perlu menjadikan prinsip syura dengan bermusyawarah antara suami dan isteri berkaitan dengan pengurusan urusan rumah tangga dan menyempurnakan pendidikan anak-anak sebagai kayu ukur dalam pengurusan rumah

tangga sekaligus melahirkan sebuah keluarga yang harmoni. Konsep pelaksanaan syura dalam sesebuah keluarga dapat dilihat seperti rajah 2 di bawah:



Rajah 2 : Konsep Pelaksanaan syura dalam keluarga.

Ibu bapa juga perlu memainkan peranan bagi menunjukkan tingkahlaku keibubapaan terhadap anak-anak untuk membuktikan fungsi ibu bapa memberi pengaruh yang kuat terhadap perkembangan kehidupan dan pembentukan sahsiah moral tingkah laku anak-anak (Razal, 2006). Institusi kekeluargaan menjadikan kehidupan manusia sentiasa berjemaah atau berkumpul. Sebagai ketua keluarga yang memimpin keluarga perlu mengamalkan unsur syura dalam semua perkara yang melibatkan ahli keluarga. Kajian Izzah (2018) menjelaskan para ketua keluarga perlu mengetahui tentang tanggungjawab sebagai seorang bapa dan mengaplikasikan elemen-elemen yang seharusnya dimiliki oleh bapa menurut Islam serta dapat membimbing masyarakat Muslim ke arah kesejahteraan dalam hidup berkeluarga.

Akhlik merujuk kepada ajaran Islam yang merangkumi aspek tingkah laku, tutur kata, penampilan atau imej diri. Ia merupakan cerminan dalam mencorakkan tingkah laku dan kehidupan seseorang. Tingkah laku yang baik datang daripada sikap atau akhlak yang ada pada diri seseorang. Menurut Zahidah & Raihanah (2011) Pendidikan akhlak dalam sesebuah institusi keluarga sangat mustahak untuk dilaksanakan agar tercipta generasi pemuda yang berakhlak mulia (*al-akhlaq al-karimah*). Akhlak dalam konteks kekeluargaan meliputi nilai akhlak yang bersifat kekeluargaan seperti perkara yang berhubung dengan hak ibu bapa, perkahwinan, hak suami isteri, hak anak, perkara yang melibatkan urusan wasiat dan pembahagian harta. (Ahmad Munawar & Kamarul, 2016). *al-Farabi* menjelaskan akhlak yang mulia dan amalan yang baik mestilah seiring agar sifat keutamaan dan terpuji dapat dilahirkan iaitu (*al-fada'il al-kbuluqiyyah*) seperti kesederhanaan (*wasatiyah*), kebenaran (*al-haq*), budi bahasa (*al-akhlaq*), keadilan (*'adalah*), kebaikan (*al- khayr*) dan penghormatan diri (*tabrim nafs*) dalam mendapatkan sebuah keluarga yang harmoni. Kesemua akhlak mulia ini akan menjadi faktor penentu kejayaan dan kebahagiaan hakiki di dunia dan di akhirat.

Maka, tingkah laku menjelaskan kepada kita, kesan yang sangat besar dalam membina kehidupan yang lestari walaupun kecil tindakannya. Lebih besar dan kuat tingkahlaku yang di lakukan daripada sebuah unit keluarga, yakinlah bahawa daripada unit keluarga ini akan berkembang menjadi sebuah masyarakat yang lestari sehingga kepada negara yang lestari. Hasilnya, masyarakat akan melihat negara tersebut lestari kerana saranan dan galakkan yang ada daripada Islam serta akan dirasai keharmonian dan kesejahteraan sejagat. Ianya bermula daripada tingkahlaku dan dari sebuah keluarga.

6.0 KESIMPULAN

Konsep lestari telah menjelaskan kepada kita bahawa ia merangkumi seluruh aspek yang tidak hanya terhad pada ekonomi dan penjagaan alam sekitar sahaja. Pembentukan dan kefahaman awal kelestarian perlu di bentuk daripada sekecil unit yang ada di dalam masyarakat, iaitu keluarga. Sumbangan sebuah keluarga akan menyelamatkan satu alam dan beberapa generasi bergantung dengan tingkahlaku yang terbentuk di dalam keluarga tersebut. Justeru, tingkahlaku yang baik menjamin kelestarian keluarga yang harmoni dan manfaat sejagat.

Rujukan

- Abi ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi. (2006). *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah, Cet. 1.
- Abu Abdullah Muhammad bin Umar Al-Taimi Ar-Razi. (1999). *Al-Tafsir Al-Kabir*. Dar Ihya’ Al-Turath Al-Arabi, Beirut. Cetakan ketiga.
- Abu Al-Fida’ Ismail bin Umar bin Kathir. (1999). *Tafsir Al-Quran Al-Azim*. Dar Al-Taiyyibah. Cetakan kedua
- Abu Ja’far Al-Tobari. (2000). *Jami’ Al-Bayan Fi Takwil Al-Quran*. Muassasah Al-Risalah. Cetakan pertama
- Abu Zakariya Muhyiddin Al-Nawawi. (1972). *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin Al-Hajjaj*. Dar Ihya’ Al-Turath Al-Arabi. Beirut. Cetakan kedua.
- Agnes Sombuling. (2014). Hubungan Antara Tanggapan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Dan Kesedaran Emosi Remaja. Online access. http://www.ums.edu.my/fpp/images/download/proseding_skik2014/Agnis_Sombuling.pdf Access date: 30 October 2019.
- Al-Ghalayini, Mustafa (1986). *Jami’ al-Durus al-‘Arabiyah*. Beirut: Mansyurat al-Maktabah al-‘Asriyah.
- Ali bin Muhammad Al-Jurjani. (1983). *Al-Takrifat. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah*. Beirut. Cetakan Pertama
- Baumgartner, S., Becker, C., Frank, K., Muller, B., Quaas, M. F. (2008). Relating Philosophy And Practice Of Ecological Economics: The Role Of Concepts, Model And Case Studies In Interad Transdisciplinary Sustainability Research. *Ecological Economics*, 67(3), 384–393.
- Department for Communities and Local Government. (2007). What is a sustainable community?. <http://webarchive.nationalarchives.gov.uk/+/http://www.communities.gov.uk/index.asp?id=39866> [27 April 2019]
- Elliott, J. A. (Ed.), (2006). *An Introduction To Sustainable Development*. Abingdon: Routledge.
- Hamzah, R. A. (2006). *Perkaitan di Antara Persekitaran Keluarga Dengan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Remaja Di Daerah Pontian (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia)*.
- Hasna, A. M. (2007). Dimensions of Sustainability. *Journal of Engineering for Sustainable Development: Energy, Environment, and Health*, 2, 47–57.
- Hassan, A., Yusoooff, F., & Alavi, K. (2017). Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan (A healty family generates prosperous community: An overview). *Geografya-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5).
- Ibnu Mandzur. (1992). *Lisan Al-Arab*. Dar Sadir. Beirut
- Imam Ahmad bin Hanbal. (2001). *Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Muassasah Al-Risalah. Cetakan pertama
- Ismail, A. M., & Jasmi, K. A. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Penerbit UTM Press. Skudai Johor:

- Jalaluddin As-Suyuti. (1974). *Al-Itqan Fi Ulum Al-Quran*. Al-Haiyah Al-Misriyyah Al-‘Amah Lil Kitab.
- Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. (2006). *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah*. Dar Al-Salasil. Kuwait
- Lukman, R., Glavic, P. (2007). What are the Key Elements Of A Sustainable University? *Clean Technology Environmental Policy*, 9, 103–114.
- Martens, P. (2006). Sustainability: Science or fiction? *Sustainability: Science, Practice, & Policy*, 2, 36–41
- Mohd Nazmi Awang Besar, Maimun Aqsha Lubis & Hamdan Arman al-Banjari. (2013). *Kesan Tamadun Islam Terhadap Perkembangan Masyarakat Dunia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moroye, C. M. (2005). Common Ground: An Ecological Perspective on Teaching and Learning. *Curriculum and Teaching Dialogue*, 7(1-2), 123-139.
- Muhammad Mutawalli Al-Syakrawi. (1997). *Tafsir Al-Syakrawi – Khawatir*. Matabi' Akhbar Al-Yaum.
- Munasinghe, M. (2008). The Sustainomics Trans_Diciplinary Metaframework For Making Development More Sustainable: Application To Energy Issues. *International Journal of Sustainable Development*, 4, 6–54.
- Newman, L. (2005). Uncertainty, Innovation, And Dynamic Sustainable Development. *Sustainability: Science, Practice, & Policy*, 1, 25–31.
- Norainah Abdul Rahman. (2009). Aplikasi Teori Perancangan Dalam Kawalan Pembangunan. Dlm Halmi Zainol *et al* (Pnyt). *Perspektif Perancangan*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA, 113-135.
- Noralina Omar. (2016). *Ekologi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Miskin Di Malaysi*. Tesis. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nur Fatin Kamaruzaman, Muhammad Ajib Abd Razak, Fatimah Yusooff. (2015). Hubungan Dimensi Tingkah Laku Keibubapaan Remaja Terhadap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibu Bapa. *Simposium Kebudayaan Dan Kerjasama Indonesia*.
- Nur Zahidah Hj Jaapar & Raihanah Hj Azahari. (2011). The Model of Wellbeing in Family Life from Islamic Perspective. *Journal of Fiqh*. 8, 25-44.
- Peterson, P.J., Sham Sani & Mohd. Nordin Hasan. (1999). Indicators of Sustainable Development In Industrialising Countries, Key indicators for tropical cities. , 3:, pages? LESTARI, Universiti Kebangsaan Malaysia. . Bangi:
- Rachel Emas. (2015). *The Concept of Sustainable Development: Definition and Defining Principles*. Brief for GSDR 2015. Florida International University
- Raid, D. (2013). *Sustainable Development: An Introductory Guide*. Diperolehi daripada https://books.google.com.my/books?id=rS__AQAAQBAJ&dq=sustainable+development+unesco+1992&source=gbs_navlinks_s. Access date: 30 October 2019.
- Rejab Mustafa Kamil. (2010). *Majallah Al-Bubuth Al-Dirasat Al-Quraniab*. Bil: 16.
- Scoullos, M. J. (2010). Education for sustainable development: The Concept And Its Connection To Tolerance And Democracy. Dlm. A. Nikolopoulou, T. Abraham, & F. Mirbagheri (pnyt.), *Education For Sustainable Development: Challenges, Strategies, And Practices In A Globalizing World*, 47–63. New Delhi: SAGE Publications India Pvt Ltd.
- Stavins, R. N., Wagner, A.F., & Wagner, G, (2003). Interpreting Sustainability In Economic Term: Dynamic Efficiency Plus Intergenerational Equity. *Economic Letters*, 79, 339–343.

- Sulaiman, H. (2013). Hubungan antara Kecerdasan Emosi Dengan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dalam Kalangan Remaja Sekolah/Hamidah binti Sulaiman (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Sustainable Development Goals Report. (2019). United Nations publication issued by the Department of Economic and Social Affairs. ISBN: 978-92-1-101403-7. <https://unstats.un.org/sdgs>.
- Syed Qutb Ibrahim A-Syaribi. (1992). *Tafsir Fi Zilal Al-Quran*. Dar Al-Syuruq. Beirut – Kaherah. Cetakan ke-17.
- United Nations Sustainable Development. (1992). Nited Nations Conference on Environment & Development Rio de Janerio, Brazil, 3 to 14 June 1992. Diperolehi daripada <https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/Agenda21.pdf>.
- Wahbah Al-Zuhaili. (1997). *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-Aqidah Wa Al-Syariah Wa Al-Manhaj*. Dar Al-Fikr Al-Mu'asir. Beirut – Damsyik. Cetakan kedua.
- World Commission on Environment and Development. (1987). World Commission on Environment and Development (Our Common Future: Report of the World Commission on Environment and Development). United Nations.
- Zahari Mohamad. (2009). Kepentingan memulihara Sumber Asli Dan Alam Sekitar Dalam Sebuah Tamadun dalam Khairul 'Azmi Mohamad, et al., (Eds.); Ke Arah Umat Hadhari. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan. Hlm, 435-457.
- Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Rojanah Kahar. (2002). Tingkah Laku Keibubapaan dan Penyesuaian Tingkah Laku Anak dalam Keluarga Berisiko di Luar Bandar. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 10(2): 165-178.
- Zur Raffar, I. N. A., & Hamjah, S. H. (2018). Personaliti Bapa Menurut Perspektif Islam dan Aplikasinya dalam Keluarga. *Islamiyyat*, 40(1), 61-69.